

**REINTERPRETASI MADAIH NABAWIYYAH : ANALISIS SEMIOTIK  
ROLAND BARTHES TERHADAP LAGU *THE CHOSEN ONE*  
MAHER ZAIN**

***REINTERPRETATION OF MADAIH NABAWIYYAH : SEMIOTIC  
ANALYSIS OF ROLAND BARTHES ON MAHER ZAIN SONG THE  
CHOSEN ONE***

**Mashaail Mansor**

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Firuz Akhtar Lubis\***

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: firuz@ukm.edu.my*

---

**Article History:**

*Received : 6 February 2026*

*Accepted : 5 March 2026*

*Published : 13 April 2026*

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

***To cite this article:***

Mansor, M. & Lubis, F. A. (2026). Reinterpretasi *Madaih Nabawiyyah* : Analisis Semiotik Roland Barthes Terhadap Lagu *The Chosen One* Maher Zain. *Jurnal 'Ulwan*, 11(1), 33-45.

**ABSTRAK**

Fenomena beralih daripada qasidah tradisional kepada muzik pop Islamik kontemporari menandakan satu transformasi penting dalam cara umat Islam menzahirkan rasa cinta kepada Nabi Muhammad SAW. Lagu *The Chosen One* oleh Maher Zain adalah contoh jelas reinterpretasi semula *Madaih Nabawiyyah* dalam era globalisasi apabila medium muzik moden digunakan untuk menyampaikan mesej kerohanian dengan cara yang lebih universal dan mudah dicapai. Penulisan ini bertujuan untuk mengkaji kesinambungan tradisi *Madaih Nabawiyyah* dalam lagu tersebut khususnya aspek pujian terhadap akhlak, cahaya kenabian, dan kedudukan Nabi Muhammad SAW sebagai insan pilihan, serta bagaimana unsur-unsur tersebut disesuaikan dengan konteks budaya global semasa. Pendekatan analisis semiotik Roland Barthes diterapkan, dengan penekanan pada peringkat denotasi, konotasi, mitos, serta kod budaya dan penanda petanda. Data diperoleh melalui analisis lirik dengan penerapan teori semiotik Barthes, terjemahan, dan perbandingan dengan sumber klasik dan moden berkaitan madaih nabawiyyah. Hasil dapatan menunjukkan walaupun menggunakan medium muzik popular dalam bahasa

Inggeris, lagu ini mengekalkan ciri-ciri utama *madaih*, iaitu pujian terhadap akhlak, zuhud, cahaya rohani, dan seruan selawat. Pada peringkat denotasi, lirik menggambarkan keperibadian Baginda, pada peringkat konotasi, beliau mempersembahkan simbol bimbingan, sebagai rahmat dan nur Muhammad SAW. Manakala di peringkat mitos pula, beliau mengukuhkan naratif Nabi sebagai al-Mustafa dan teladan universal. *The Chosen One* berperanan bukan sahaja sebagai hiburan, tetapi juga medium pendidikan rohani yang menghubungkan tradisi *madaih* klasik dengan ekspresi Islam kontemporari dalam arus globalisasi.

**Kata kunci:** Qasidah, *Madaih Nabawiyyah*, Roland Barthes, *The Chosen One*, semiotik

### **ABSTRACT**

*The phenomenon of shifting from traditional qasidah to contemporary Islamic pop music signifies an important transformation in how Muslims express their love for the Prophet Muhammad PBUH. The song The Chosen One by Maher Zain is a clear example of the reinterpretation of Madaih Nabawiyyah in the era of globalization, as modern musical media are used to convey spiritual messages in a more universal and accessible way. This study aims to examine the continuos of the Madaih Nabawiyyah tradition in the song, particularly in aspects of praise for the Prophet's character, prophetic light, and his status as the chosen one of God, as well as how these elements are adapted to the contemporary global cultural context. Roland Barthes' semiotic approach is applied, focusing on the levels of denotation, connotation, myth, and the analysis of cultural codes, signifiers, and signifieds. Data are collected through The Chosen One's lyrics by analysis using Barthes' semiotic theory, translation, and comparison with both classical and modern sources related to Madaih Nabawiyyah. The findings indicate that although the song employs the medium of popular English music, it retains the essential features of madaih, namely praise of moral excellence, asceticism, spiritual light, and the call to send blessings upon the Prophet. At the denotative level, the lyrics portray the Prophet's noble personality. At the connotative level, he is presented as a symbol of guidance, mercy, and the Nur Muhammad (Light of Muhammad). At the mythic level, the song reinforces the narrative of the Prophet as al-Muṣṭafa (the Chosen One) and a universal model of virtue. The Chosen One thus functions not merely as entertainment but also as a medium of spiritual education that bridges classical madaih traditions with contemporary Islamic expression in the current era of globalization.*

**Keywords:** Qasidah, *Madaih Nabawiyyah*, Roland Barthes, *The Chosen One*; semiotics

## **1.0 PENGENALAN**

*Madaih Nabawiyyah* atau puisi pujian terhadap Nabi Muhammad SAW menjadi satu daripada genre penting dalam tradisi sastra Islam sejak zaman awal Islam. Bermula

dengan qasidah Hassan bin Thabit, ia berfungsi sebagai medium ekspresi cinta, penghormatan, dan pengagungan kepada Rasulullah SAW (Maimunah et al., 2023) Dalam konteks kontemporer, *Madaih Nabawiyyah* tidak hanya terbatas kepada bentuk puisi klasik, tetapi turut mengambil bentuk baharu seperti nasyid moden, qasidah kontemporer, dan lagu-lagu pop Islamik. Fenomena ini jelas terlihat melalui karya artis antarabangsa seperti Maher Zain yang menggunakan medium muzik global untuk menyampaikan mesej keagamaan. Lagu *The Chosen One* merupakan satu daripada contoh penting bagaimana tradisi lama diadaptasi ke dalam bentuk baharu sesuai dengan selera masyarakat global.

Dalam kesusasteraan Arab, *Madaih Nabawiyyah* merupakan cabang khas daripada genre puisi panegirik yang dikenali sebagai *qasidah al-madh*, iaitu puisi pujian yang lahir daripada keindahan bahasa Arab klasik dan berakar sejak zaman *Jahiliyyah* (pra-Islam). Namun, tidak seperti bentuk *madh* lain yang ditujukan kepada raja, pahlawan atau penaung, *Madaih Nabawiyyah* menumpukan pujiannya secara eksklusif kepada keperibadian agung Nabi Muhammad SAW sebagai lambang kesempurnaan akhlak, rahmat dan petunjuk bagi seluruh alam (ar-Rajab, 2024). Sejarawan dan sarjana seperti Stetkevych menjelaskan peralihan tema daripada pujian duniawi kepada pujian rohani terhadap Rasulullah SAW menandakan pergeseran epistemologi dalam kesusasteraan Arab daripada estetika kebangsawanan kepada ekspresi ketuhanan dan cinta profetik. Lantas, *madaih* bukan sekadar bentuk sastera, tetapi juga wadah rohani yang menzahirkan hubungan emosi dan teologi antara umat dengan Nabinya (Robinson, 2011).

Selain menjadi simbol estetika bahasa Arab, *Madaih Nabawiyyah* turut berkembang sebagai instrumen dakwah dan pendidikan rohani sepanjang zaman Islam moden hingga kini. Karya-karya seperti *Qasidah al-Burdah* oleh Imam al-Busiri menjadi lambang abadi keindahan puisi pujian yang menyatukan keilmuan, adab dan cinta terhadap Rasulullah SAW (Muthari, 2016). Bentuk *madaih* ini kemudian mempengaruhi kesusasteraan Islam di seluruh dunia termasuk dunia Melayu, Turki dan Parsi serta mengalami pembaharuan melalui seni suara kontemporer seperti qasidah moden dan lagu nasyid. Menurut ar-Rajab (2024), *Madaih Nabawiyyah* berperanan bukan sahaja sebagai mengekspresikan atau menyatakan cinta, tetapi juga sebagai teks budaya yang mencerminkan nilai-nilai moral Islam dan identiti umat. Lantas, kesinambungan *madaih* dalam bentuk puisi dan muzik moden seperti karya Maher Zain memperlihatkan cinta kepada Nabi Muhammad SAW terus hidup, berkembang dan diterjemahkan mengikut konteks budaya zaman tanpa kehilangan identiti asalnya.

Dalam konteks moden, bentuk pujian kepada Nabi Muhammad SAW tidak lagi terhad kepada qasidah dan syair klasik, tetapi berkembang ke medium muzik dan seni persembahan global. Perkembangan teknologi media digital telah membuka ruang bagi seniman Islam untuk mempersembahkan pujian tersebut dalam bentuk lagu yang lebih mudah diakses dan diterima masyarakat lintas budaya. Fenomena ini dapat dilihat dalam karya-karya Maher Zain, artis Muslim kontemporer yang berjaya menggabungkan nilai kerohanian dengan gaya muzik pop antarabangsa. Menurut Fairuz (2021), pendekatan Maher Zain dalam muzik dakwahnya merupakan simbol transformasi seni Islam, yang bukan sahaja mengangkat nilai cinta kepada Rasulullah SAW, tetapi juga membentuk identiti Islam global yang lembut, universal dan merentasi sempadan bahasa serta bangsa.

Fenomena *Madaih Nabawiyyah* pujian kepada Nabi Muhammad SAW telah mengalami perubahan signifikan daripada bentuk klasik yang berasaskan syair Arab kepada bentuk moden yang diungkapkan melalui muzik popular dan pelbagai bahasa dunia. Dalam konteks sejarah, *Madih Nabawiyyah* berfungsi sebagai medium keagamaan dan estetik untuk menzahirkan kecintaan terhadap Nabi Muhammad SAW serta menanamkan nilai-nilai moral dan kerohanian dalam kalangan masyarakat Islam (Maimunah et al., 2023). Namun begitu, dalam konteks globalisasi abad ke-21M, genre ini telah mengalami transformasi yang melibatkan bahasa, medium penyampaian, dan gaya persembahan iaitu daripada qasidah tradisional kepada bentuk muzik pop Islamik. Transformasi ini menimbulkan persoalan baharu tentang bagaimana elemen tradisional *Madaih Nabawiyyah* diterjemah dan dipersembahkan semula melalui muzik moden berbahasa Inggeris, seperti lagu *The Chosen One* oleh Maher Zain.

Penulisan terdahulu oleh Maimunah et al. (2023) menekankan *al-Madaih an-Nabawiyyah* kini memainkan fungsi transformasi dalam masyarakat moden, bukan sahaja dari aspek kerohanian tetapi juga dari sudut sosial dan identiti budaya umat Islam sejagat. Namun, kebanyakan penulisan ini masih tertumpu kepada teks Arab klasik, manakala bentuk kontemporari seperti lagu nasyid moden atau pop Islamik masih belum dikaji secara mendalam dari segi fungsi linguistik, semiotik dan sosiobudaya khususnya pujian kepada Nabi Muhammad SAW. Kekurangan ini menyebabkan jurang ilmiah dalam memahami bagaimana nilai-nilai Islam yang terkandung dalam pujian tradisional disesuaikan dengan medium muzik moden yang lebih universal.

Lagu *The Chosen One* karya Maher Zain merupakan antara karya kontemporari yang paling berpengaruh dalam genre muzik Islami kerana menunjukkan pujian terhadap Rasulullah SAW dengan gaya bahasa mudah, melodi lembut, dan nuansa spiritual yang sesuai dengan citarasa pendengar global. Walaupun popularitinya meluas, masih terdapat kekurangan penulisan yang meneliti makna mendalam di sebalik liriknya, khususnya dari perspektif semiotik Roland Barthes. Kebanyakan analisis terdahulu hanya memfokuskan aspek Syariah dan mesej dakwah tetapi belum menggali lapisan makna yang lebih kompleks tentang, iaitu denotasi, konotasi, dan mitos yang terkandung dalam setiap rangkap lirik (Ervina, 2014). Hal ini menimbulkan jurang ilmiah mengenai bagaimana *The Chosen One* bukan sahaja berfungsi sebagai nyanyian pujian, tetapi juga sebagai wacana budaya yang merepresentasikan hubungan antara *Madaih Nabawiyyah* klasik dengan bentuk pop Islami moden.

Walaupun *Madaih Nabawiyyah* telah dikaji secara meluas dalam konteks tradisional Arab dan dalam literatur moden sebagai genre pujian dengan fungsi transformasi sosial dan budaya, menurut Maimunah et al. (2023) masih terdapat kekurangan kajian teks dan muzik yang mendalam terhadap lagu berbahasa Inggeris seperti *The Chosen One* oleh Maher Zain. Kajian semiotik video klip oleh Syamsurrijal et al. (2024) menunjukkan visual dan elemen audio juga menyumbang kepada mesej dakwah lagu, tetapi masih belum dianalisis bagaimana elemen-elemen ini berinteraksi dengan lirik untuk menghasilkan pujian yang efektif. Oleh itu, penelitian ini timbul untuk menjawab soalan: apakah elemen-elemen *Madih Nabawiyyah* tradisional yang terdapat dalam *The Chosen One*, serta bagaimana lirik

lagu dalam video klip itu memperkuat mesej pujian kepada Nabi Muhammad, dan bagaimana pendengar menerima atau menafsirkan kombinasi tradisi dalam genre ini.

Penulisan-penulisan lepas mengenai *Madaih Nabawiyyah* banyak tertumpu pada aspek sejarah dan bentuk sastera tradisional. Contohnya, Muthari (2016) menekankan tentang Islam, sastera, seni dan estetika begitu juga, seperti juga yang dilakukan oleh Maimunah et al. (2023) yang menceritakan secara menyeluruh tentang *Madaih Nabawiyyah*. Penulisan ini memfokuskan kepada sejarah genre *madaih*, perubahan fungsi sosial dan estetikanya, dan bagaimana ia mengambil peranan dalam aktiviti keagamaan, budaya, ekonomi dan politik dalam masyarakat Islam moden. Penulisan ini juga menunjukkan bahawa *madaih* tidak lagi sekadar bacaan pujian tetapi menjadi medium transformasi memperkuat perpaduan sosial dan identiti Muslim.

Selain itu, terdapat beberapa penulisan mengenai semiotik Rolland Barthes yang banyak memfokuskan lirik muzik Arab kontemporari. Contohnya Ervina (2014) menekankan video klip *The Chosen One* merupakan sesuatu yang efektif dalam menyampaikan pesan dakwah Syariah melalui medium visual muzik dengan penerapan teori semiotik Roland Barthes yang meliputi makna denotasi, konotasi dan mitos untuk menguraikan tanda-tanda visual dan linguistik yang membentuk naratif dakwah dalam video tersebut. Manakala penulisan lain pula yang dilakukan oleh Aulia (2024) dan Wati et al. (2022) yang menggunakan muzik Arab kontemporari seperti *Kun Fudooliyan* dan *Kun Fayakun* sebagai satu medium untuk memahami perbandingan makna lirik terjemahan sama ada denotasi, konotasi dengan menggunakan teori semiotik Rolland Barthes. Namun penulisan yang menginterpretasikan *Madaih Nabawiyyah* dalam muzik Arab Kontemporari dan pop Islamik dengan menggunakan analisis semiotik masih terhad kerana fokus kebanyakan penulisan hanya kepada elemen dakwah, syariah atau hanya sebatas analisis semiotik semata-mata. Lantas, artikel ini dapat membuka mata pembaca akan keindahan *Madaih Nabawiyyah* tidak terhad kepada puisi klasik sahaja malah fokus kepada lagu *The Chosen One* Maher Zain.

Namun, terdapat juga penulisan lain yang mengaplikasikan teori semiotik Rolland Barthes dalam lirik lagu yang berunsurkan romantisme. Seperti yang dilakukan oleh Nanda (2023), teori Roland Barthes digunakan sebagai pendekatan utama untuk menganalisis lagu 'Aisyah Istri Rasulullah'. Seperti yang kita tahu romantisme ini hampir sama dengan unsur puisi klasik bertemakan ghazal atau cinta, namun dalam konteks ini, pengkaji menggunakan semiotik Rolland Barthes untuk menelusuri makna romantisme dan nilai-nilai rumah tangga sama ada pada aspek konotasi, denotasi, mitos (ideologi) khususnya dalam konteks rumah tangga Rasulullah SAW. Namun, penulisan yang memfokuskan interpretasi *Madaih Nabawiyyah* dengan pendekatan semiotik Rolland Barthes untuk dinisbahkan kepada muzik Islamik masih kurang kerana kebanyakannya cenderung kepada tema seperti percintaan, romantisme dan juga dakwah. Dengan demikian, artikel ini mengisi jurang tersebut dengan memberi fokus khusus kepada lagu *The Chosen One* Maher Zain.

Terdapat juga penulisan tentang *Musical Semiotics as A Tool for the Social Study of Music* oleh Salgar (2012) yang menegaskan semiotik muzik bukan sekadar alat analisis estetik, tetapi juga satu metodologi untuk memahami hubungan antara muzik, masyarakat dan ideologi. Menurut beliau, muzik perlu dilihat sebagai sistem

tanda sosial yang menggambarkan proses komunikasi dan interaksi budaya antara pencipta, pelaku dan pendengar. Salgar berhujah bahawa muzik sentiasa terjalin dengan makna sosial dan analisis semiotik dapat mengungkap ideologi yang tersembunyi di sebalik struktur muzik. Dengan mengadaptasi konsep Barthes tentang *mythologies*, muzik dapat dianggap sebagai sistem mitos moden tempat makna budaya, kuasa, dan identiti dinegosiasikan. Dalam konteks muzik popular, setiap elemen bunyi, gaya dan visual adalah tanda yang membawa ideologi tertentu sama ada tentang gender, rohani atau nasionalisme.

Setelah melihat kepada beberapa penulisan lepas diatas, jelaslah bahawa kebanyakan penulisan sering memfokuskan kepada analisis semiotik Rolland Barthes yang berunsurkan dakwah, romantisme, terjemahan lirik secara denotasi, konotasi dan mitos sama ada menggunakan muzik Arab kontemporari atau pop Islamik. Namun tiada lagi penulisan yang menggunakan pendekatan semiotik Rolland Barthes untuk menginterpretasikan *Madaih Nabawiyyah* dalam muzik kontemporari pada era globalisasi kini. Walaupun teori semiotik Roland Barthes telah digunakan secara meluas dalam bidang komunikasi dan budaya, namun aplikasinya terhadap muzik Islam kontemporari masih terhad (Taufiqurrohmah, 2024). Penekanan terhadap aspek denotasi, konotasi, mitos dan kod budaya dalam konteks *madaih* belum banyak dijalankan, apatah lagi dikaitkan dengan dinamika globalisasi yang mempengaruhi cara umat Islam mengekspresi atau menyatakan kecintaan terhadap Nabi Muhammad SAW. Oleh yang demikian, penulisan ini mengisi kekosongan tersebut dengan meneliti bagaimana *The Chosen One* menginterpretasikan *Madaih Nabawiyyah* dalam bentuk baharu muzik pop Islamik serta teori semiotik Rolland Barthes berfungsi sebagai kesinambungan tradisi puisi pujian Nabi Muhammad SAW dalam konteks global.

## **2.0 METODOLOGI**

Penulisan ini menggunakan kaedah analisis kualitatif dengan pendekatan semiotik Roland Barthes sebagai kerangka teori. Data utama ialah lirik lagu *The Chosen One* yang dianalisis berdasarkan prinsip denotasi, konotasi dan mitos. Analisis teks dilakukan dengan meneliti tanda-tanda linguistik dan simbolik dalam lirik lagu. Di samping itu, data sokongan diperoleh melalui kajian literatur terdahulu dan juga ulasan muzik. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji menyingkap lapisan makna yang lebih mendalam, melampaui makna literal yang terkandung dalam lirik.

## **3.0 ANALISIS LAGU *THE CHOSEN ONE* MAHER ZAIN MENGGUNAKAN TEORI SEMIOTIK ROLLAND BARTHES**

Lagu *The Chosen One* karya Maher Zain merupakan sebuah nasyid kontemporari yang tergolong dalam tradisi *Madaih Nabawiyyah* moden dengan fokus utamanya adalah memuji Rasulullah SAW melalui susunan lirik yang penuh dengan penghayatan rohani dan kecintaan terhadap Baginda. Bagi tujuan penulisan ini, analisis hanya akan memberi tumpuan kepada lima perenggan utama mengikut beberapa prinsip teori semiotik Rolland Barthes. Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan lagu tersebut difahami sebagai kesinambungan *madaih nabawiyyah*

klasik dalam bentuk moden, tetapi juga membuka ruang untuk menilai bagaimana sastera Islamik diadaptasi dengan medium muzik popular masa kini. Dalam penulisan ini, lirik *The Chosen One* dianalisis menggunakan beberapa peringkat makna utama Barthes antaranya ialah seperti denotasi, iaitu makna literal dalam teks, konotasi, iaitu makna tambahan yang berkaitan dengan nilai budaya, emosi, atau ideologi dan mitos, iaitu makna yang lebih besar yang menghubungkan teks dengan naratif budaya atau agama yang dominan (A'la, 2011). Dengan menggunakan teori ini, makna tersirat dalam lirik dapat dianalisis untuk melihat bagaimana ia berfungsi sebagai reinterpretasi madaih Nabawiyyah dalam konteks global.

**Jadual 1:** Rangkap Lirik dan Terjemahan Pertama Lagu *The Chosen One* Maher Zain

| Rangkap Pertama  | Terjemahan Pertama   |
|--|--|
| <i>In a time of darkness and greed<br/>It is your light that we need<br/>You came to teach us how to live<br/>Muhammad, ya Rasoola Allah</i> | Dalam waktu kegelapan dan ketamakan<br>Cahayamulah yang kami perlukan<br>Engkau datang untuk mengajar kami cara hidup<br>Wahai Muhammad, Ya Rasulullah |

Rangkap pembuka, *In a time of darkness and greed, it is your light that we need* menggambarkan kedatangan Nabi Muhammad SAW sebagai penyelamat manusia daripada zaman Jahiliyyah yang penuh dengan kegelapan moral dan kerakusan. Baginda disebut sebagai cahaya yang menjadi penunjuk jalan bagi umat, satu metafora yang sering digunakan dalam *Madaih Nabawiyyah* klasik untuk menekankan konsep nur Muhammad SAW. Unsur utama di sini ialah peranan Baginda sebagai pembawa petunjuk, *mu'allim* (pendidik) dan rahmat kepada seluruh alam, sejajar dengan gaya qasidah yang menunjukkan Baginda sebagai pembimbing umat.

Rangkap lirik ini hanya menceritakan tentang Nabi Muhammad SAW yang datang membawa petunjuk di zaman Jahiliyyah. Namun berdasarkan Teori Semiotik Rolland Barthes jika dilihat pada tahap konotasi, lebih sesuai digunakan dalam rangkap lirik ini kerana *light* (cahaya) yang disebut bukan sekadar sinaran fizikal, tetapi melambangkan nur Muhammad SAW, simbol kerohanian, hidayah dan rahmat yang menyinari umat manusia. Menurut Barthes, konotasi memberi lapisan makna tambahan yang melibatkan budaya dan ideologi. Hal ini selari dengan penulisan Nasr (2010) dalam *The Garden of Truth*, yang menekankan konsep nur Muhammad SAW bukan hanya sejarah, tetapi juga lambang metafizik dalam kosmologi Islam. Rangkap ini menegaskan peranan Nabi Muhammad SAW sebagai cahaya dan pendidik umat serta menunjukkan kesinambungan simbol cahaya yang juga merupakan tema utama dalam *Madaih Nabawiyyah*.

**Jadual 2:** Rangkap Lirik dan Terjemahan Kedua Lagu *The Chosen One* Maher Zain

| Rangkap Kedua   | Terjemahan Kedua   |
|---|--|
| <p><i>You were so caring and kind<br/>                     Your soul was full of light<br/>                     You are the best of mankind<br/>                     Muhammad, khairu khalqi<br/>                     Allah</i></p> | <p>Engkau begitu penyayang dan penuh kebaikan<br/>                     Jiwa engkau dipenuhi cahaya<br/>                     Engkaulah sebaik-baik insan<br/>                     Wahai Muhammad, khayru khalqi Allah (sebaik-baik ciptaan Allah)</p> |

Rangkap kedua menekankan sifat-sifat akhlak Rasulullah SAW penyayang, lembut, dan penuh dengan cahaya rohani. Ini merupakan teras utama dalam *Madaih Nabawiyyah*, kerana penyair biasanya mengangkat akhlak Baginda sebagai teladan tertinggi umat manusia. Frasa *khairu khalqi Allah* (sebaik-baik ciptaan Allah) ialah bentuk pujian klasik yang banyak ditemui dalam syair Hassan bin Thabit dan qasidah selepasnya. Unsur yang jelas di sini ialah pujian terhadap akhlak Nabi dan penegasan bahawa Baginda adalah manusia paling mulia di sisi Allah SWT.

Rangkap ini pula menggunakan teori Semiotik Rolland Barthes dengan berpegangan kepada prinsip denotasi kerana lirik menggambarkan sifat Nabi Muhammad SAW yang penyayang dan mulia. Sekiranya dilihat pada prinsip konotasi menjadikan sifat-sifat ini serta membentuk atau representasi Baginda sebagai *perfect man* (insan kamil), sesuai dengan kerangka akhlak Islam. Namun Barthes menekankan makna denotatif boleh membentuk konotasi lebih luas yang melibatkan nilai moral dan religious. Izutsu (2002) dalam *Ethico-Religious Concepts in the Quran* menunjukkan konsep akhlak Nabi Muhammad SAW berfungsi sebagai simbol moral universal dalam Islam, dan ini mencerminkan pujian dalam baris lirik seperti *khairu khalq Allah*. Rangkap ini bukan sekadar memuji peribadi Nabi Muhammad SAW, tetapi memperlihatkan bagaimana pujian akhlak menjadi sebahagian daripada simbol rohani dalam tradisi *Madaih Nabawiyyah*.

**Jadual 3:** Rangkap Lirik dan Terjemahan Ketiga Lagu *The Chosen One* Maher Zain

| Rangkap Ketiga  | Terjemahan Ketiga  |
|---|--|
| <p><i>Sallou 'ala Rasooli Allah<br/>                     Habibil Mustafa<br/>                     Peace be upon the Messenger<br/>                     The Chosen One</i></p> | <p>Berselawatlah ke atas Rasulullah,<br/>                     Al-Habib al-Mustafa (Kekasih yang terpilih)<br/>                     Sejahtera ke atas Rasul Allah<br/>                     Dialah Yang Terpilih</p> |

Rangkap ketiga *Sallou 'ala Rasooli Allah Habibil Mustafa* berperanan sebagai seruan selawat dan pujian kolektif. Dalam tradisi *Madaih Nabawiyyah*, penyair bukan sahaja memuji Rasulullah SAW, tetapi juga mengajak khalayak untuk bersama-sama berselawat sebagai tanda cinta dan penghormatan. Gelaran *al-Mustafa* (yang terpilih) dan *The Chosen One* mengukuhkan kedudukan Baginda sebagai insan yang dipilih oleh Allah SWT untuk membawa risalah Islam. Unsur

utama di sini ialah seruan selawat, pengiktirafan Baginda sebagai al-Mustafa, serta fungsi lagu sebagai medium ibadah.

Menurut Teori Semiotik Barthes, mitos ialah sistem semiotik tahap kedua di mana tanda konotatif membentuk ideologi. Di sini, ungkapan *al-Mustafa* (yang terpilih) berfungsi sebagai mitos Islamik Ideologi, iaitu pengakuan bersama bahawa Nabi Muhammad SAW ialah utusan terakhir dan insan terpilih. Selawat pula menjadi simbol ritual yang menghubungkan umat dengan Baginda. Armstrong (2013) dalam *Muhammad: A Prophet for Our Time* menyatakan tradisi selawat bukan sahaja ibadah tetapi juga naratif budaya yang membentuk identiti umat Islam sebagai komuniti yang sentiasa terhubung dengan Baginda. Rangkap ini berfungsi sebagai mitos budaya Islam yang mengekalkan Nabi Muhammad SAW sebagai figura sentral dan selawat menjadi satu mekanisme rohani serta sosial untuk mengikat umat dengan Baginda.

**Jadual 4:** Rangkap Lirik dan Terjemahan Keempat Lagu *The Chosen One* Maher Zain

| Rangkap Kelima  | Terjemahan Kelima   |
|---|---|
| <p><i>Your face was brighter than the sun</i><br/> <i>Your beauty equalled by none</i><br/> <i>You are Allah's Chosen One</i><br/> <i>Muhammad, khayru khalqi Allah</i></p> | <p>Wajahmu lebih terang daripada mentari<br/>                     Keindahanmu tiada bandingan<br/>                     Engkau adalah Insan Yang Terpilih<br/>                     Wahai Muhammad, khayru khalqi Allah</p> |

Rangkap terakhir menekankan keindahan dan keunggulan fizikal Rasulullah SAW. Dalam *Madaih Nabawiyyah*, aspek jasmani Baginda sering digambarkan dengan metafora cahaya wajah yang bersinar lebih terang daripada matahari menjadi simbol kesempurnaan dan keistimewaan Baginda. Ulangan frasa *Allah's Chosen One* dan *khayru khalqi Allah* mengukuhkan lagi konsep Nabi Muhammad SAW sebagai makhluk yang paling sempurna. Unsur yang dapat dilihat di sini ialah pujian terhadap keindahan fizikal Baginda, simbol cahaya kenabian dan pengiktirafan kedudukan Baginda yang tertinggi.

Sekiranya dimasukkan prinsip semiotik Rolland Barthes, wajah lebih terang daripada matahari ialah *signifier* (penanda), manakala makna sebenar *signified* ialah kesempurnaan spiritual Rasulullah SAW. Barthes menjelaskan tanda tidak hanya merujuk kepada realiti literal, tetapi boleh berfungsi sebagai simbol keagungan yang melampaui sifat fizikal. Kecantikan Nabi Muhammad SAW telah digambarkan dalam *The Concept of Prophetic Education According to Imam Tirmidzi in the Book of Syamil Muhammadiyah*, iaitu wajah Baginda sering diumpamakan sebagai bulan atau matahari yang bersinar, satu naratif yang kemudian diteruskan dalam syair *Madaih Nabawiyyah*. Rangkap ini menekankan aspek estetika dan falsafah dengan wajah Nabi Muhammad SAW menjadi simbol cahaya kenabian yang tidak ditandingi, selaras dengan pujian dalam qasidah klasik. Perbandingan *Your face was brighter than the sun* membawa gaya hiperbola *mubalaghah* yang sering digunakan dalam puisi pujian klasik, seumpama ungkapan Hassan bin Thabit yang memuji wajah Nabi Muhammad SAW bagaikan cahaya bulan purnama.

Secara keseluruhan, rangkap lirik lagu *The Chosen One* memperlihatkan kesinambungan tradisi *Madaih Nabawiyyah* dalam bentuk kontemporer. Melalui pendekatan semiotik Roland Barthes, rangkap pertama hingga terakhir dapat ditafsirkan sebagai lapisan tanda yang melampaui makna literal. Simbol cahaya, akhlak mulia, selawat, zuhud, dan keindahan Nabi Muhammad SAW yang ditekankan dalam lirik adalah kesinambungan daripada qasidah tradisional yang berfungsi memuliakan Baginda. Ini menunjukkan meskipun medium berubah daripada syair Arab klasik kepada muzik moden, nilai dan gaya pujian dan pengagungan terhadap Nabi Muhammad SAW tetap dikekalkan. Selain itu, analisis konotasi, denotasi, mitos, kod budaya, serta hubungan *signifier-signified* (penanda dan pertanda) membuktikan setiap rangkap mengandungi makna yang berlapis, iaitu makna tersendiri baik tersurat atau tersirat. Tamsilnya, cahaya Nabi Muhammad SAW bukan sekadar gambaran fizikal tetapi simbol rahmat dan hidayah wajah Baginda yang digambarkan lebih terang daripada matahari adalah tanda metafizik yang menegaskan kesempurnaan spiritual. Ini selaras dengan konsep Barthes bahawa tanda tidak pernah statik, sebaliknya dimaknai oleh budaya, ideologi dan nilai masyarakat.

Seterusnya, hasil analisis juga memperlihatkan bagaimana lirik lagu ini selaras dengan rujukan Islam klasik dan moden. Unsur pujian akhlak Nabi Muhammad SAW sejalan dan sejajar dengan pandangan Izutsu (2002) mengenai konsep etika al-Qur'an seruan selawat menepati penjelasan Armstrong (2013) tentang fungsi sosial dalam pembentukan komuniti Muslim, manakala gambaran zuhud Nabi Muhammad SAW sebagaimana digarap oleh Schimmel (2014) dalam *And Muhammad is His Messenger the Veneration of the Prophet in Islamic Piety* memperlihatkan kesinambungan naratif tasawuf. Semua elemen ini menjadikan lagu *The Chosen One* bukan sekadar hiburan, tetapi juga medium pendidikan rohani dan budaya. Melalui analisis ini, dapat dirumuskan bahawa *The Chosen One* ialah manifestasi moden *Madaih Nabawiyyah* yang berjaya merentas zaman. Ia menggabungkan simbolisme puisi klasik dengan medium muzik global, sekali gus mengangkat citra Rasulullah SAW sebagai cahaya, teladan dan kekasih Allah yang terpilih. Analisis semiotik Barthes membuka ruang untuk memahami bagaimana tanda dan simbol dalam lirik lagu ini berfungsi membentuk wacana cinta kepada Nabi Muhammad SAW, bukan hanya dalam konteks tradisi Arab-Islam, tetapi juga dalam dunia moden yang lebih luas dan berbilang budaya.

#### 4.0 KESIMPULAN

Penulisan ini telah menelusuri transformasi *Madaih Nabawiyyah* daripada bentuk tradisional qasidah ke arah bentuk kontemporer pop Islamik melalui analisis semiotik terhadap lagu *The Chosen One* nyanyian Maher Zain. Hasil penulisan menunjukkan peralihan bentuk ini bukan sahaja bersifat muzik dan estetika, tetapi juga mencerminkan perubahan konteks budaya dan globalisasi Islam. Melalui teori semiotik Roland Barthes, lagu ini dapat dibaca bukan sekadar sebagai hiburan semata-mata, tetapi sebagai medium pujian kepada Nabi Muhammad SAW yang sarat dengan makna konotatif, denotatif dan mitos keagamaan (ideologi). Bukan itu sahaja, penulisan ini menunjukkan *The Chosen One* berjaya menjadi manifestasi relevan *madaih* dalam dunia moden menggabungkan tradisi dan inovasi,

tetapi tuntutan epistemik memerlukan penulisan lanjut analisis penerimaan khalayak silang budaya untuk memahami variasi makna, penulisan perbandingan dengan *madaih* tradisional dan karya seniman Islam lain, serta pendekatan multimodal dengan kerangka teori semiotik Barthes. Dari satu segi lain secara praktikalnya, pencipta lagu digalakkan untuk meneruskan dengan berhati-hati teologi sambil menggunakan estetika moden untuk tujuan pendidikan rohani. Hasil dapatan menunjukkan lirik *The Chosen One* mengekalkan kesinambungan tradisi *Madaih Nabawiyyah* walaupun disampaikan melalui medium muzik pop kontemporari. Unsur-unsur cahaya, akhlak, selawat, zuhud dan keindahan Rasulullah SAW membuktikan pengaruh puisi klasik masih dominan, manakala melalui teori semiotik Roland Barthes, setiap rangkap dan baris lirik menunjukkan beberapa lapisan makna sama ada denotasi, konotasi, mitos dan hubungan antara penanda dan petanda yang menunjukkan Rasulullah SAW bukan sekadar tokoh sejarah, tetapi simbol atau teladan bagi umat sejagat.

Secara lebih terperinci, analisis menunjukkan lirik *The Chosen One* membawa makna denotatif berupa pujian terhadap Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT, makna konotatif yang menekankan nilai kasih sayang, rahmat dan kemanusiaan serta makna mitos yang mengangkat imej Baginda sebagai rahmat bagi seluruh alam. Dengan demikian, lagu ini berjaya memperkukuh cinta kepada Nabi Muhammad SAW dalam landskap budaya global sambil mengekalkan elemen klasik *madaih* dalam bentuk moden yang lebih mudah diterima oleh masyarakat antarabangsa. Penulisan ini membuktikan lagu *The Chosen One* oleh Maher Zain merupakan representasi jelas tentang bagaimana *Madaih Nabawiyyah* diinterpretasi semula dalam era globalisasi dengan pendekatan semiotik Barthes, dapat dilihat bahawa lagu ini bukan sahaja membina makna literal tentang Nabi Muhammad SAW, tetapi juga mengangkat mitos universal tentang Baginda sebagai rahmat bagi seluruh alam. Penulisan ini menegaskan kepentingan muzik Islam kontemporari sebagai medium dakwah global dan membuka ruang bagi penulisan lanjut yang lebih luas terhadap transformasi *Madaih Nabawiyyah* pada abad moden.

### **Penghargaan**

Penulisan ini dijalankan dengan menggunakan Geran Universiti Penyelidikan, kod projek: GUP-2022-034. Jutaan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas pemberian dana bagi menyelesaikan penulisan ini.

### **Sumbangan Pengarang**

Mansor, M. B. & Lubis, F. A. Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

### **Penolakan Tuntutan**

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## RUJUKAN

- A'la, T. F. (2011). *A semiotic analysis on the a-mild advertisements using Roland Barthes Theory*. Tesis Sarjana Muda. Faculty of Adab and Humanities: Syarif Hidayatullah State Islamic University.
- Armstrong, K. (2013). *Muhammad Prophet for Our Time*. Jakarta: Mizan Pustaka.
- ar-Rajab, I. A. (2024). The art of praising the Prophet: Kajian analitis terhadap Diwān Ṣaḡīr al-Dīn al-Ḥillī. *Journal of Arts and Social Sciences*, 15(3), 17-28.
- Aulia, N. D. (2024). *Analisis semiotika terjemahan lagu Kun Fudooliyan yang dipopulerkan oleh Humood Alkhuder pada saluran YouTube Puji Rahmawati Official dan Awakening Music*. Tesis Sarjana Muda. Fakultas Adab dan Humaniora: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Ervina, A. (2014). Analisis Semiotik Pesan Dakwah Syari'ah Islam Dalam Video Klip Lagu "The Chosen One" Maher Zain. Tesis Sarjana Muda. Fakultas Dakwah dan Komunikasi: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Fairuz, R. (2021). Concert And Charity: Operating Da'wah Activism Through Maher Zain's Pop Culture Industry. *Jurnal Pemberdayaan Masyarakat: Media Pemikiran dan Dakwah Pembangunan*, 5(2), 345-380.
- Izurrohman, M. R. S., Azani, M. Z. & Salim, H. (2023). The concept of prophetic education according to Imam Tirmidzi in the book of Syamail Muhammadiyah. *Solo International Collaboration and Publication of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 57-66.
- Izutsu, T. (2002). *Ethico-religious Concepts in The Quran*. London: McGill-Queen's University Press.
- Maimunah, I., Wargadinata, W., Bahruddin, U. & Ibrahim, F. M. A. (2023) al-Madaih an-Nabawiyah: Its literary history and transformational functions in the 21st century era. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(2), 53-69.
- Muthari, A. H. W. (2016). *Cakrawala Budaya Islam, Sastra, Hikmah, Sejarah dan Estetika*. Yogyakarta: IRCiSoD.
- Nanda, R. P. P. (2023). Analisis semiotika Roland Barthes pada lirik lagu "Aisyah Istri Rasulullah" Syakir Daulay. *Communications*, 5(1), 280-300.
- Nasr, S. H. (2010). *The Garden of Truth*. Bandung: Mizan Media Utama.
- Robinson, F. (2011). The mantle odes: Arabic praise poems to the Prophet Muhammad. *American Journal of Islam and Society*, 28(3), 138-140.
- Salgar, O. H. (2016). Musical Semiotics As A Tool For The Social Study Of Music. *Ethnomusicology Translations*, 2, 1-33.
- Schimmel, A. (2014). *And Muhammad is his Messenger: The Veneration of The Prophet in Islamic Piety*. Chapel Hill: University of North Carolina Press.
- Syamsurrijal, Muhlisin & Arniati, F. (2024). Analysis of Maher Zain's "The Chosen One" video clip: Roland Barthes' semiotic. *Rainbow: Journal of Literature, Linguistics and Culture Studies*, 13(1), 74-85.
- Taufiqurrohman, N. (2024). Analisis Semiotika Pesan Dakwah Dalam Musik Reggae Karya Ras Muhamad. Tesis Sarjana Muda. Fakultas Dakwah, Ushuluddin Dan Psikologi, Universitas Islam Tribakti.
- Wati, T., Ikmaliani, D. S. & Mustolehudin (2022). Representasi makna denotasi dan konotasi dalam lirik lagu Kun Fayakun (Analisis semiotika Roland Barthes). *Alibbaa': Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 3(1), 73-102.

Zain, M. (2010). *The Chosen One*. Dlm. *Thank You Allah* (album). London: Awakening Records.